



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR  
KALI KE 107 BIL 33/2023**

**PEMAKLUMAN PERMOHONAN MENDUDUKI RESIDEN PELAJAR SEPANJANG  
CUTI SEMESTER / SEMESTER III SESI AKADEMIK 2022/2023 BAGI PELAJAR  
YANG MENDAFTAR KURSUS PADA SEMESTER PENDEK, PROJEK TAHUN  
AKHIR DAN PROGRAM / AKTIVITI UNIVERSITI SERTA TATACARA  
PENDAFTARAN MASUK / KELUAR RESIDEN PELAJAR**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

1. Maklumat dan tatacara pendaftaran masuk residen pelajar adalah berikut:

<b>KATEGORI PERMOHONAN</b>	<b>TARIKH / MASA PENDAFTARAN MASUK YANG DILULUSKAN</b>	<b>TARIKH / MASA PENDAFTARAN KELUAR YANG DILULUSKAN</b>	<b>LOKASI PENDAFTARAN</b>
Semua pelajar semester pendek	20-21 Julai 2023 (waktu pejabat) 23 Julai 2023 (8:30 pagi – 12:00 tengah hari)	20 September 2023 (waktu pejabat)	Gambang – Siswa – Pejabat Residen Pelajar 2 Gambang – Siswi – Pejabat Residen Pelajar 1
Projek Tahun Akhir/ Badan Beruniform / HSK/ MASUM/ Teater	Mengikut tarikh yang dipohon	Mengikut tarikh yang dipohon sehingga tarikh akhir 20 September 2023	Gambang – Siswa – Pejabat Residen Pelajar 2 Gambang – Siswi – Pejabat Residen Pelajar 1 Pekan – Siswa/Siswi Pejabat Residen Pelajar 5
Survey Camp	Mengikut tarikh yang dipohon	Mengikut tarikh yang dipohon	Gambang – Siswa – Pejabat Residen Pelajar 4 Gambang – Siswi – Pejabat Residen Pelajar 3

*\*Bayaran penuh MESTI dilakukan semasa proses pendaftaran masuk*

2. Seramai 967 permohonan telah diluluskan penempatan seperti yang dimohon oleh staf fakulti / PTJ dan Penasihat Kelab/Persatuan/Sekretariat. Semua permohonan yang diluluskan WAJIB mengikut kaedah pendaftaran seperti di atas.
3. Semua pelajar yang berjaya adalah tertakluk dan diminta untuk melakukan pendaftaran keluar di Residen Pelajar yang didiami terlebih dahulu sebelum atau pada 19 Julai 2023 seperti dalam Edaran Pemakluman Pentadbiran Dan Operasi Pengurusan Pelajar Kali Ke-105 Bil. 31/2023 mengenai Pendaftaran Keluar Bilik (Check-Out) Bagi Sesi Akademik 2022/2023 bertarikh 3 Julai 2023.
4. Penempatan bilik adalah tertakluk kepada ketetapan pihak pengurusan residen pelajar.
5. Sehubungan dengan itu, pelajar perlu **MEMATUHI TARIKH DAN MASA** yang telah ditetapkan bagi tujuan yang dinyatakan di atas. Yuran penginapan akan dicaj oleh pihak Bendahari mengikut tarikh semester III.
6. Turut dimaklumkan, terdapat beberapa kerja-kerja naiktaraf dan pembaikan akan dilaksanakan di Residen Pelajar dalam tempoh cuti semester / semester III sesi akademik 2022/2023 dan ianya dijangka akan mengganggu kesejahteraan para pelajar. Pihak kami akan memaklumkan perkara ini dari semasa ke semasa. Kerja-kerja naiktaraf dan penyelenggaraan ini bertujuan memberi jaminan keselesaan dan kesejahteraan pelajar bagi sesi akademik seterusnya. Sebarang kesulitan amat dikesali.
7. Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Residen Pelajar atau email kepada [residen@ump.edu.my](mailto:residen@ump.edu.my).

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



**MOHD RAIZALHILMY B. MOHD RAIS**

Pengarah Pusat Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 13 Julai 2023